

---

# MEDIA DALAM KEHIDUPAN DAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK

*Wan Anita Wan Abas*  
Universiti Putra Malaysia, Malaysia  
anita@upm.edu.my

*Azizah Hamzah*  
Universiti Malaya, Malaysia  
azizah@um.edu.my

---

## ABSTRACT

### MEDIA IN THE LIVES AND DEVELOPMENT OF CHILDREN

This paper discusses the literature on the role of media in the lives and physical, behavioral, and cognitive development of children. The Bronfenbrenner Ecological Model is used as an approach for discussing this issue. According to literature, the relationship between children's use of and exposure to media, and their ecological contexts are determined by three important aspects, namely: poor diet; pro- and anti-social behavior; and academic achievement. In addition to a discussion of traditional and new electronic media, this paper pays special attention to how ecological context shapes television effects on child development. The author presents guidelines for parents who are concerned with the best way to manage media use among their children.

*Keywords: family media management, parental monitoring, family ecological system, media effects, media effect on children*

## PENGENALAN

Kanak-kanak hari ini membesar dan melalui pengalaman yang secara kualitinya berbeza dengan kanak-kanak generasi dahulu. Perubahan yang amat ketara dapat dilihat dari aspek bagaimana mereka menggunakan masa, mempunyai peluang yang lebih besar dalam meneroka dunia, dan pembentukan semula landskap persekitaran domestik yang secara langsungnya adalah berhubung dengan pengenalan, perkembangan, dan capaian teknologi media baru yang pesat dan meluas. Jika pada zaman 1980-an dahulu setiap rumah mempunyai sebuah TV dan kanak-kanak terdedah pada dua atau tiga saluran utama sahaja, tetapi hari ini kanak-kanak mungkin mempunyai TV sendiri di bilik tidur, terdedah kepada

berpuluh saluran dengan pelbagai program, mempunyai alat perakam dan pemain cakera video dan permainan elektronik seperti *play station* dan *game boy*, komputer peribadi, dan disambung kepada kemudahan Internet. Dikatakan dominasi TV dan media skrin lain dalam kehidupan kanak-kanak lebih kekal lama berbanding dengan peranan utama teknologi itu sendiri dan potensi kesannya juga mungkin lebih kuat (Wartella dan Robb, 2008).

## MODEL EKOLOGI BRONFENBRENNER DALAM PERKEMBANGAN KANAK-KANAK

Pendekatan model Ekologi Bronfenbrenner mengambil kira "jaringan persekitaran" dalam kehidupan kanak-kanak. Kanak-kanak dilihat sebagai terikat dengan setiap konteks yang dilabelkan oleh Bronfenbrenner sebagai "sistem mikro" (merujuk kepada pengalaman dan hubungan harian kanak-kanak dalam konteks asas keluarga dan alam persekolahan), "sistem ekso" (individu dan institusi yang mempengaruhi kanak-kanak walaupun mereka tidak terlibat secara langsung), dan "sistem meso" (hubungan antara sistem ekso dengan mikro yang mempengaruhi kehidupan kanak-kanak). Lingkaran yang paling luas merangkumi semua sistem dikenali sebagai "sistem makro" (melibatkan nilai, amalan, dan unsur-unsur kebudayaan sesebuah masyarakat yang menyumbang kepada amalan dalam setiap sistem yang melingkari perkembangan kanak-kanak). (Lihat Jadual 1).

**Jadual 1: Sistem Ekologi**

Konteks	Definisi/Contoh
<b>Sistem Mikro</b>	Persekitaran harian kanak-kanak: Tempat tinggal, orang yang tinggal bersama, perkara yang dilakukan bersama. Contoh: Keluarga, rakan sebaya, guru
<b>Sistem Meso</b>	Hubungan atau bahagian antara sistem mikro Contoh: orientasi keluarga yang selari dengan orientasi rakan sebaya
<b>Sistem Ekso</b>	Persekitaran sosial yang mempengaruhi perkembangan kanak-kanak tetapi kanak-kanak tidak terlibat secara langsung. Contoh: Keadaan tempat kerja ibu bapa, pemilikan media dalam keluarga
<b>Sistem Makro</b>	Konteks budaya luas yang membentuk sikap, kepercayaan, dan tingkah laku Contoh: Etnik, sejarah

Perspektif ekologi amat berguna dalam konteks peranan media dalam kehidupan kanak-kanak kerana model ini membolehkan fokus dilakukan secara serentak terhadap ciri-ciri individu kanak-kanak, persekitaran kritikal keluarga, dan persekitaran budaya. Justeru, perbincangan seterusnya berputar kepada contoh-contoh kajian masa lampau yang memaparkan hubungan antara pengaruh media dengan kanak-kanak, juga gambaran yang lebih luas tentang bagaimana media membentuk konteks perkembangan kanak-kanak.

Kajian berkaitan dengan keberkesanan perbezaan gaya keibubapaan (cth., autoritarian, autoritatif, kemanjaan, atau ketidakpedulian) untuk memerhatikan kepelbagaian sistem yang memberi impak kepada kanak-kanak banyak dilakukan. Kajian telah membuktikan

bahawa gaya keibubapaan autoritatif (dicirikan oleh kemesraan dan autonomi) menjadikan kanak-kanak mendapat manfaat yang lebih berbanding dengan gaya keibubapaan yang lain (Baumrind, 1991). Walau bagaimanapun, kajian ini terhad kepada keluarga daripada konteks ekologi tunggal iaitu hanya melibatkan keluarga yang mempunyai kedua-dua ibu bapa dalam masyarakat kulit putih kelas pertengahan.

Justeru, dalam kajian seterusnya oleh Steinberg et al. (1995) mereka meneroka untuk mengetahui sama ada kanak-kanak mendapat manfaat yang sama daripada gaya keibubapaan tersebut dalam konteks keluarga yang berbeza ciri-ciri demografi. Hasil kajian Steinberg et al. (1995) mendapati manfaat yang didapati oleh kanak-kanak daripada gaya keibubapaan autoritatif tidak sama dalam kalangan jaringan ekologi yang berbeza. Dalam konteks pencapaian akademik, sistem makro (latar belakang sesuatu etnik) dilihat sebagai penting yang menyumbang kepada perbezaan pencapaian kanak-kanak. Di samping itu, gaya keibubapaan dalam pengaruh jaringan rakan sebaya (sistem ekso) berkait dengan penyesuaian yang sihat dalam kalangan kanak-kanak. Penemuan mereka juga mendapati sistem meso, atau pertindanan antara keluarga, kumpulan rakan sebaya dan persekitaran komuniti mempunyai pengaruh penting kepada remaja. Modal sosial dalam jaringan sosial kanak-kanak secara tipikalnya akan mengukuhkan institusi atau persekitaran keluarga.

Pendekatan Steinberg dalam memahami pengaruh gaya keibubapaan memberikan pengajaran yang penting kepada para pengamal, ibu bapa, dan sarjana tentang bagaimana media dapat mempengaruhi kanak-kanak pada masa kini. Ia menggambarkan fokus terhadap beberapa jaringan persekitaran yang menyelubungi tumbesaran dan perkembangan kanak-kanak dalam masyarakat moden. Pengajaran juga dapat diambil untuk memahami bagaimana media mempunyai pengaruh yang berbeza terhadap kanak-kanak. Jelasnya, apa yang berlaku di rumah dan rakan sebaya (sistem mikro), perkara yang berlaku dalam persekitaran komuniti (sistem ekso), keselarasan sistem nilai dalam masyarakat dan keluarga (sistem meso), dan konteks budaya sesebuah etnik dan kelas sosial (sistem makro) mempunyai sumbangan yang saling berkait antara satu sama lain dalam aspek perkembangan kanak-kanak.

Pendekatan ekologi ini adalah antara teori yang penting dalam disiplin psikologi perkembangan semenjak beberapa dekad yang lalu. 'Bapa' teori ini, Urie Bronfenbrenner telah melihat pengaruh saling bertimbal balik terhadap kanak-kanak dan sistem-sistem yang melingkarinya. Sungguhpun demikian, baik Bronfenbrenner mahupun sarjana yang sealiran dengannya tidak begitu banyak menulis tentang peranan media dalam sistem ini. Kemungkinan ini disebabkan tradisi kajian dalam bidang psikologi yang lebih berfokus kepada hubungan tingkah laku antara manusia. Sementara itu, media dalam kehidupan kanak-kanak memainkan peranan yang kritikal dalam pembentukan konteks zaman kanak-kanak. Dengan demikian, para sarjana dalam bidang media dan komunikasi seharusnya dapat mengadaptasi pendekatan ekologi sebagai satu paradigma yang berguna kepada pemikiran dan kajian tentang bagaimana media membentuk perkembangan kanak-kanak.


## **RUMAH SEBAGAI PERSEKITARAN PELBAGAI MEDIA**

Televisyen dan media lain telah menjadi sebahagian daripada kehidupan harian dalam sesebuah keluarga. Sesebuah keluarga biasanya menyusun atur ruang tamu bukan sahaja mengambil kira kemudahan untuk perbincangan atau perbualan dengan tetamu yang bakal bertandang tetapi juga sebagai ruang rehat keluarga sambil menonton (TV tentunya). Dengan demikian, kita dapati media mempengaruhi pengurusan ruang sesebuah premis

dan juga menunjukkan cara gaya kehidupan sesebuah keluarga. Lull (1980) dalam kajiannya telah mendapati sesebuah keluarga menggunakan TV "sebagai penanda masa dan aktiviti keluarga seperti masa makan, masa tidur, masa membuat kerja sekolah, dan aktiviti yang berkaitan lain". Kajian etnografik oleh Jordan (1990) pula menunjukkan keluarga daripada kelas sosial yang berbeza mempunyai pola penontonan TV yang mempamerkan orientasi terhadap masa secara berbeza. Ibu bapa yang berpendidikan tinggi dan mempunyai status di tempat kerja cenderung berpendapat bahawa masa kanak-kanak sebagai "sumber" yang harus "digunakan secara bijak".

Sistem keluarga menyediakan konteks pemahaman yang kaya untuk memahami bagaimana kanak-kanak membentuk makna daripada media yang digunakan, bagaimana mereka menggunakan media, dan apakah yang difikirkan mereka tentang idea-idea yang disampaikan secara elektronik kepada mereka. Kita boleh mengkonsepsikan rumah sebagai pusat persilangan antara sistem mikro (cth., amalan-amalan keibubapaan) dan sistem makro (cth., nilai-nilai budaya). Didapati status sosioekonomi mempengaruhi peraturan ibu bapa terhadap anak-anak mereka kerana pengalaman pendidikan dan kerja membentuk konsep mereka terhadap masa (Khon, 1995). Ibu dan bapa yang mempunyai status di tempat kerja mungkin merasakan mereka perlu mengajar anak menggunakan masa. Dengan demikian, kita lihat sistem ekso menjadi penyumbang kepada cara kanak-kanak menonton TV.

Satu kajian kebangsaan telah dijalankan oleh *Annenberg Public Policy Center (APPC)* pada tahun 2000 dalam kalangan 1235 ibu bapa yang mempunyai anak berumur antara 2-17 tahun dan 416 ibu bapa yang mempunyai anak 8-16 tahun menunjukkan kebanyakan rumah dipenuhi pelbagai media seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Kajian ini mendapati majoriti responden melaporkan mereka mempunyai sekurang-kurangnya tiga buah atau lebih unit TV, mempunyai capaian kepada TV kabel dan TV satelit, dan mempunyai sekurang-kurangnya satu VCR atau pemain DVD. Kebanyakan mereka juga mempunyai sistem permainan video dan komputer yang mempunyai sambungan Internet (dalam Jordan, 2004).



Kajian pemilikan media dalam kalangan 2021 keluarga tempatan pada tahun 2003 juga menunjukkan tren yang sama (Narimah & Musa, 2008). Mengikut kajian tersebut, pemilikan media dan teknologi komunikasi baru dalam keluarga menunjukkan pertambahan yang drastik terutamanya pemilikan komputer, Internet, telefon mudah alih, pemain VCD dan

CD, dan set hi-fi di samping pengekelan terhadap pemilikan TV (hampir 100%). Situasi ini menggambarkan bahawa di mana-mana jua, pemilikan media dan teknologi maklumat dan komunikasi dalam kalangan keluarga semakin berkembang ke arah media yang lebih canggih dan terkini.

## **PERANAN MEDIA DALAM PERKEMBANGAN FIZIKAL KANAK-KANAK**

Antara masalah fizikal yang sering kali mendapat perhatian umum dan pakar kesihatan adalah lebihan berat badan atau obesiti yang boleh menyumbang kepada punca masalah kesihatan lain seperti risiko penyakit jantung, kencing manis, ketidakstabilan tekanan darah, dan hipertensi. Masalah obesiti boleh terjadi dalam kalangan kanak-kanak dan juga orang dewasa. Mengikut data rasmi Kementerian Kesihatan, kadar obesiti kanak-kanak negara ini adalah 15 peratus, tetapi jumlah itu dipercayai lebih tinggi sekarang terutama di Kuala Lumpur dan Selangor yang mencecah antara 30 hingga 40 peratus (dalam <http://intim.wordpress.com>). Trend peningkatan obesiti dalam kalangan kanak-kanak juga terjadi di Barat. Mengikut laporan Ogden et al. (2006), dianggarkan seramai 10% kanak-kanak yang berumur 2-5 tahun dan 15% kanak-kanak 6-19 tahun mengalami masalah berat badan berlebihan di Amerika Syarikat. Masalah obesiti pada zaman kanak-kanak biasanya akan berterusan sehingga dewasa.

Dengan perkembangan ini, isu obesiti zaman kanak-kanak telah mencetuskan minat ramai para sarjana untuk mengkaji dan memahami punca dan penyumbang kepada masalah ini. Sebahagian kajian telah menumpukan hubungan antara penggunaan media (khususnya penontonan TV) dengan masalah obesiti kanak-kanak. Terdapat tiga andaian mekanisme utama yang dikaitkan antara penggunaan media elektronik dengan obesiti (Robinson, 2001). Mekanisme tersebut adalah: 1) penurunan kadar metabolisme semasa aktiviti menonton TV khususnya; 2) penggantian aktiviti fizikal (perlakuan duduk berpanjangan); dan 3) peningkatan pengambilan makanan berkalori (sama ada melalui makan semasa menonton atau terpengaruh dengan iklan dan pemasaran makanan daripada media elektronik).

Sehubungan dengan itu, banyak kajian telah membuktikan hampir semua kanak-kanak daripada semua peringkat umur didapati menghabiskan masa sama menggunakan media elektronik (3-5 jam menonton TV setiap hari), berbanding membuat kerja lain semasa waktu lapang (Roberts, Foehr, & Rideout, 2005; Rideout & Hamel, 2006; Rideout, Vandewater, & Watella, 2003). Oleh sebab kanak-kanak menghabiskan masa yang banyak dengan media elektronik, adalah munasabah dikatakan media elektronik juga penyumbang kepada peningkatan masalah obesiti dalam kalangan kanak-kanak.

Selain itu, masalah kecelaruan pemakanan dan persepsi imej badan yang negatif adalah disebabkan pengaruh media. Media yang menggunakan model dan pelakon yang terlalu kurus dilihat sebagai penyumbang kepada peningkatan bilangan remaja yang mengalami masalah kecelaruan pemakanan. Kecelaruan pemakanan biasanya terjadi dalam kalangan remaja dan orang dewasa yang muda dan 10 kali lebih ramai dalam kalangan perempuan berbanding lelaki (Pritts & Susman, 2003). Usaha mengaitkan pendedahan kepada model yang sangat kurus atau sangat gemuk dengan sikap dan tingkah laku khalayak menunjukkan terdapat sedikit perkaitan. Beberapa kajian mendapati terdapat korelasi antara pendedahan kepada majalah fesyen dan kecergasan dan pengesahan personaliti kurus dan pengambilan pemakanan dan ketidakpuasaan terhadap diri (Harrison, 1997; Harrison & Cantor, 1997; Signoreilli & Staples, 1997)

## PERANAN MEDIA DALAM PERKEMBANGAN SOSIAL KANAK-KANAK

Media massa juga adalah antara ejen sosial yang berpengaruh dalam kehidupan kanak-kanak. Malah dikatakan televisyen khususnya adalah pelengkap dan sering menjadi pesaing yang mengatasi ejen sosialisasi lain seperti keluarga, sekolah, rakan sebaya, komuniti, dan institusi agama. Pandangan yang paling popular tentang kejayaan fungsi sosialisasi media adalah ia membolehkan kanak-kanak dan remaja menyesuaikan diri dalam masyarakat kerana mereka telah mempelajari tingkah laku yang bersesuaian. Secara khususnya, melalui sosialisasi kanak-kanak mempelajari budaya dan mendalami nilai, sistem kepercayaan, persepsi diri sendiri dan orang lain (Lemish, 2007).

Peranan media sebagai ejen sosialisasi boleh dilihat dari aspek kesan langsung dan tidak langsung hasil daripada pemaparan nilai-nilai sosial secara pasif. Pemaparan nilai sosial oleh media menyumbang kepada pembentukan nilai sosial yang sebenar. Penontonan TV melibatkan proses sosialisasi dan pembentukan nilai sosial yang sebenar. Antara nilai sosial yang sering menjadi perhatian dan bahan kajian para saintis sains sosial adalah bagaimana TV atau media boleh mempengaruhi kanak-kanak dalam mengadaptasi atau mempelajari nilai yang baik (prososial) atau buruk (antisosial).

Lebih lima dekad yang lalu para saintis sains sosial telah banyak mengkaji hubungan antara pendedahan kepada program berunsur ganas dan tingkah laku agresif dalam kalangan kanak-kanak. Kajian-kajian yang dilakukan bukan sahaja mendedahkan hubungan malah juga cuba memahami mekanisme yang terjadi antara pendedahan dan sebab akibat daripadanya. Daripada banyak kajian dibuat, terdapat kajian yang menjadi penyuluh kepada pengadaptasian pendekatan ekologi yang boleh menjadi penerang kepada kesan yang mungkin terjadi hasil daripada penggunaan media oleh kanak-kanak kepada tingkah laku antisosial.

Hujah bahawa hubungan langsung antara penontonan TV dengan tingkah laku agresif telah banyak dibuktikan melalui kajian-kajian jangka panjang (Bushman & Heusmann, 2001; Johnson et al. 2002) dan berbentuk eksperimen (Anderson & Bushman, 2002; Bandura, 1973). Johnson et al. (2002) telah mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara penontonan televisyen semasa awal remaja dengan tingkah laku agresif terhadap orang lain selepas kovariat yang menghubungkan penontonan televisyen dan tingkah laku agresif dikawal secara statistik. Walau bagaimanapun, kajian tersebut menyimpulkan bahawa mungkin terdapat limitasi oleh sebab fakta yang "menganggap" bahawa khalayak yang banyak menonton (*heavy viewers*) ialah mereka yang terdedah kepada maklumat tingkah laku ganas yang banyak.

Sementara itu, terdapat pengkaji lain yang berhujah bahawa keputusan tersebut bukan lagi bukti yang menghubungkan antara pendedahan kepada kandungan keganasan televisyen dengan tingkah laku agresif, tetapi faktor lain juga perlu diambil kira seperti kecenderungan tingkah laku agresif dalam kalangan kanak-kanak dan remaja terhadap mesej ganas yang ditonton (Lynn, Hampson, & Agahi, 1989), masalah hubungan dalam keluarga atau di sekolah, jantina, dan pencarian sensasi (Huesmann, 1986; Cantor & Nathanson, 1997).

Hubungan antara penontonan kandungan ganas televisyen dengan tingkah laku agresif kanak-kanak perlu dilihat dari pelbagai sudut. Model General Aggression (GAM) oleh Anderson (2002) dapat membantu menggambarkan bagaimana pendedahan kepada unsur ganas mendorong kepada pemikiran dan tingkah laku agresif, pembentukan beberapa teori yang mencadangkan bagaimana media mempengaruhi mesej yang diterima oleh kanak-

kanak dalam konteks persekitaran ekologi mereka. Berdasarkan teori GAM, kanak-kanak mempelajari "skrip" keganasan melalui pendedahan kepada media yang mempunyai unsur ganas. Tingkah laku yang dipelajari boleh terjadi daripada pendedahan kepada mesej secara berulang dan juga daripada interaksi yang berlaku dalam persekitaran sistem mikro. Seterusnya, tingkah laku agresif yang dipelajari bertukar menjadi pernyataan-pernyataan tegas (afektif), proses pembuatan keputusan, dan tingkah laku yang mengubah individu. Perubahan dalam diri individu akhirnya mendorong perubahan pemboleh ubah dalam persekitarannya.

Individu yang semakin agresif menjadikan persekitaran sosialnya juga bertindak balas. Jenis individu yang berinteraksi dengan mereka, jenis interaksi yang berlaku, dan jenis situasi yang bersama mereka semuanya berubah. Sebagai contoh, kekerapan dan kualiti interaksi dengan guru, ibu bapa, dan rakan-rakan yang tidak agresif semakin berkurang, manakala interaksi dengan rakan yang "jahat" semakin meningkat. Proses ini mungkin akhirnya menjadikan kanak-kanak berbalik semula kepada kandungan media yang menepati cita rasa mereka yang mempunyai pandangan terhadap dunia yang terpesong tadi. Dari segi pandangan ekologi, teori GAM menunjukkan hubungan timbal balik antara kanak-kanak, sistem mikro, dan sistem makro melalui budaya berperantara.

Kebanyakan hasil kajian tentang keganasan media telah meliputi aspek sistem mikro, makro, dan ekso. Dalam kajian klasik Bandura dan anak patung Bobo, menunjukkan kanak-kanak lelaki lebih cenderung untuk mempamerkan sikap agresif semasa bermain berbanding kanak-kanak perempuan, walaupun mereka didedahkan kepada rangsangan keganasan yang sama. Bandura et al. (dalam Jordan, 2004) berhujah bahawa ini disebabkan kanak-kanak lelaki lebih mudah menerima pengukuhan positif daripada tindakan tersebut dalam "kehidupan sebenar", manakala kanak-kanak perempuan lebih mudah menerima pengukuhan negatif. Di samping itu, teori penyuburan pula menerangkan penonton yang banyak menonton TV lebih cenderung melihat dunia sebagai tempat yang menakutkan sekiranya mereka hidup dalam persekitaran yang ditonjolkan dengan peristiwa-peristiwa keganasan yang melampau oleh TV, hidup dalam kejiwaan yang tinggi kadar jenayah, atau mengalami keganasan domestik.

Sementara kajian yang ekstensif terhadap keganasan TV, kesan ke atas pengalaman kanak-kanak dengan media baru yang "interaktif" seperti permainan video dan permainan komputer juga telah berkembang dengan pesat. Beberapa kajian berbentuk eksperimen (Anderson & Dill, 2000; Funk et al., 2002) menunjukkan keganasan permainan video, juga sama dengan program keganasan di TV, menyebabkan kanak-kanak lebih agresif selepas mereka menggunakannya. Sehubungan dengan itu, Berkowitz (1993) pernah menyatakan bahawa kanak-kanak secara psikologinya disedarkan bahawa mereka dalam keadaan "telah sedia" untuk bertindak lebih agresif sekiranya faktor situasi membangkitkan mereka. Justeru, sekiranya konteks sistem mikro mengalami masalah, maka kanak-kanak lebih cenderung untuk bertindak atau meluahkan perasaan secara agresif.

Sekiranya terdapat bukti jelas kepada kita tentang potensi kesan buruk daripada media yang mendorong tindakan agresif dan antisosial kanak-kanak, maka begitu juga kita andaikan kepada potensi kesan baik media kepada kanak-kanak yang dapat menyuburkan tingkah laku prososial. Tingkah laku prososial merujuk kepada semua perilaku yang dikehendaki dan diterima oleh sesebuah masyarakat umum. Sebagai contoh, sesebuah program TV dikatakan prososial apabila kandungannya mempromosi sikap bekerjasama dan tolak ansur; simpati

dan empati terhadap orang lain; kawalan terhadap sifat marah dan kecewa; saling membantu; menghormati orang yang lebih tua; berkasih sayang sesama manusia; dan seumpamanya.

Secara perbandingannya, pengetahuan tentang keupayaan media untuk membentuk tingkah laku dan sikap prososial kanak-kanak juga turut diteroka. Salah satu kajian meta analisis terhadap kesan prososial TV menunjukkan bahawa program yang dibentuk untuk mengajar nilai persahabatan, penerimaan terhadap kepelbagaian, dan altruisme adalah sangat berkesan kepada kanak-kanak yang berumur di bawah lapan tahun. Ini berkemungkinan disebabkan pelajaran yang disampaikan tersebut melibatkan nilai yang asing atau baru bagi kanak-kanak yang harus dikuasai oleh mereka (Mares & Woodard, 2001 dan 2005).

Beberapa kajian dilakukan terhadap program berbentuk pendidikan-hiburan yang disasarkan kepada kanak-kanak prasekolah seperti rancangan *Mr Rogers' Neighborhood* telah dapat memberi kesan yang positif kepada kanak-kanak. Penontonan yang berterusan terhadap program tersebut dibuktikan dapat meningkatkan keupayaan kanak-kanak untuk melakukan penyelesaian sesuatu tugas, menjadi lebih bekerjasama, mempelajari kemahiran menerima dan terlibat dengan orang lain, serta meningkatkan minat terlibat dalam kerja kreatif (Fisch, 2004). Selain itu, penontonan rancangan *Sesame Street* juga dikatakan dapat menggalakkan sifat baik hati, kerjasama, menanggungkan kepuasan, integrasi sosial dalam kalangan kanak-kanak yang pemalu, dan banyak lagi sifat prososial lain (Van Evra, 2004). Kajian terdahulu menunjukkan perbezaan kesan pembelajaran dan tingkah laku prososial antara kanak-kanak lelaki dan perempuan. Kanak-kanak perempuan didapati lebih terkesan dalam peniruan tingkah laku lisan manakala tingkah laku lakon semula (*role play*) lebih efektif pada kanak-kanak lelaki (Friedrich dan Stein, 1995). Pengkaji tersebut menghipotesiskan bahawa perbezaan keadaan menepati perbezaan kecenderungan dan gaya pembelajaran kanak-kanak (cth. kanak-kanak perempuan lebih selesa duduk dan mendengar dan kanak-kanak lelaki lebih selesa dengan aktiviti fizikal). Penemuan kajian yang prososial ini bukan sahaja dibuktikan melalui kesan rancangan berbentuk pendidikan dan untuk tujuan penyelidikan semata tetapi juga daripada program yang berbentuk dramatik (Lemish, 2007).

Perkara yang lebih penting dalam membincangkan pengaruh penggunaan media ke atas tingkah laku prososial kanak-kanak adalah mengambil kira tentang konteks bagaimana mesej tersebut diterima, termasuklah isu kehadiran orang dewasa untuk membantu kanak-kanak memproses kandungan berperantara tersebut. Hal ini demikian kerana kajian telah membuktikan bahawa kanak-kanak (umur 3 dan 4 tahun) hanya bertindak balas kepada program prososial bila orang dewasa hadir untuk menggalakkan mereka terlibat dengannya dan memberikan tindak balas segera (dalam Singer & Singer, 2008). Begitu juga kajian yang berkait dengan program *Sesame Street* mendapati bahawa nilai persahabatan antara etnik yang berbeza ditunjukkan melalui program tersebut seakan-akan tidak diterima oleh kanak-kanak apabila mereka mengatakan bahawa ibu bapa mereka tidak membenarkan mereka bersahabat dengan etnik yang berbeza. Tambahan pula dalam program tersebut tidak ada watak dewasa yang menyokong nilai persahabatan yang ditonjolkan (Truglio et al., 2001). Justeru, usaha rancangan berbentuk pendidikan untuk mengubah nilai dalam sistem makro tentang persahabatan dan perbezaan etnik menjadi sukar atau tidak mudah diterima oleh kanak-kanak sekiranya mesej tersebut tidak selari dengan kepercayaan kanak-kanak tentang orientasi sistem mikronya (cara didikan ibu bapa).

Dengan kata lain, peranan ibu bapa dan dewasa lain sangat penting dalam mempengaruhi keberkesanan mesej media terhadap kanak-kanak. Secara khususnya ibu bapa boleh berperanan secara aktif melalui penceritaan, pembacaan, atau memberi tindak



balas segera kepada sebarang pertanyaan daripada anak-anak semasa aktiviti menonton dapat mengukuhkan mesej baik dan mengelakkan atau mengurangkan kekeliruan daripada mesej kontras yang dibawa oleh media. Walau bagaimanapun, kebanyakan ibu bapa pada hari ini tidak banyak waktu bersama anak kerana bekerja di luar rumah dan selalunya media sama ada TV atau komputer menjadi "teman atau pengasuh" kepada anak-anak yang baru hendak mengenali dan meneroka dunia ini.

## **PENGGUNAAN MEDIA KANAK-KANAK DAN PRESTASI AKADEMIK**

Limpahan kajian yang melibatkan hubungan antara penggunaan media kanak-kanak dan pencapaian akademik telah dilakukan. Antara fokus utama adalah untuk mengetahui sama ada penontonan TV mempengaruhi peruntukan masa kanak-kanak dengan aktiviti kognitif, seperti membaca. Selalunya hipotesis ini disokong. Sementara itu, kajian oleh Fetler (1984) mendapati pelajar yang menonton TV secara sederhana (1-2 jam sehari) mendapat skor akademik yang lebih berbanding dengan pelajar yang tidak atau kurang menonton. Fetler berpendapat, masa penontonan yang sederhana, TV dapat menggalakkan sifat ingin tahu kanak-kanak dan membekalkan pengetahuan. Data kajian tersebut menunjukkan manfaat menonton televisyen secara sederhana adalah berbeza bergantung pada kelas sosial kanak-kanak. Pelajar daripada keluarga mewah yang tidak atau sedikit menonton mendapat pencapaian yang lebih baik dalam ujian manakala pelajar daripada keluarga miskin lebih rendah pencapaiannya. Kenapa perkara ini terjadi? Jawapannya ada dalam sistem mikro. Sebagaimana Fetler (1984: 13) menyatakan:

The more time spent watching television in these homes, less time could be spent in activities that sharpen skills relevant to success in school. Television would be a less academically stimulating activity than some of the other options available in such homes... Thus, compares to what is available, television would be relatively stimulating, providing new ideas, vicarious experience, and new vocabulary, and might translate into academic improvement, at least when in moderation.

Sementara kajian ini menyokong andaian bahawa televisyen menggantikan aktiviti lain yang lebih bermanfaat kepada kanak-kanak yang telah mendapat banyak sumber pendidikan, kajian lain berpendapat bahawa hubungan antara penontonan televisyen dan pencapaian akademik sebenarnya adalah hasil daripada faktor lain, seperti tahap intelektual kanak-kanak, tahap pendidikan ibu bapa, dan jumlah masa yang digunakan untuk menyiapkan kerja atau latihan sekolah (Gaddy, 1986; Gortmaker et al., 1990).

Daripada perspektif ekologi, guru dan keluarga adalah sebahagian daripada sistem mikro kanak-kanak. Kanak-kanak yang membesar dalam keluarga yang harmoni penuh kasih sayang dan disiplin yang tinggi, sentiasa bersedia untuk belajar (sistem meso), dan mempunyai guru yang bermotivasi untuk memberikan maklum balas kepada muridnya (sistem mikro), adalah sumber utama kepada jalan kejayaan yang hebat dalam hidup kanak-kanak sepanjang alam persekolahan mereka.

Daripada buktipenyelidikan lepas yang membincangkan pelbagai isu pengaruh media dalam kehidupan dan perkembangan kanak-kanak jelas menunjukkan bahawa media atau kanak-kanak tidak bertindak sendiri atau secara semula jadi antara satu sama lain. Banyak faktor lain perlu diambil kira. Justeru, dengan mengambil kira perspektif ekologi dalam

memahami isu tingkah laku kanak-kanak dengan media dan pengaruh media terhadap tingkah laku kanak-kanak, ia mendorong kita untuk melihat dari aspek sistem mikro sehingga faktor sistem ekso dalam rangka untuk mendapat gambaran yang penuh tentang bagaimana media membentuk (dan terbentuk daripada) konteks perkembangan zaman kanak-kanak.

## **MEMPERKASAKAN PERANAN IBU BAPA**

Menyedari hakikat bahawa perkembangan zaman kanak-kanak merupakan satu fasa asas yang penting dalam kehidupan individu, ibu bapa perlu mengambil peranan yang proaktif dalam menangani pelbagai isu kekeluargaan amnya dan pengurusan media keluarga khususnya. Pengurusan dan penggunaan media di dalam rumah menuntut kebijaksanaan ibu bapa dalam menanganinya. Umum telah mengetahui bahawa media berpotensi memberikan pengaruh yang besar sama ada positif atau negatif kepada perkembangan kanak-kanak. Menyedari potensi kesan negatif terutamanya kepada perkembangan kanak-kanak, terdapat banyak saranan daripada pakar kanak-kanak (boleh didapati daripada [www.cps.co](http://www.cps.co) dan [www.media-awareness.ca](http://www.media-awareness.ca)) yang dapat dijadikan panduan oleh ibu bapa dalam menguruskan media di rumah. Antara saranan yang diberikan oleh kebanyakan pakar pediatrik tentang cara menguruskan media di rumah adalah seperti yang berikut:

- Mulakan pembentukan tabiat media yang sihat dalam kalangan anak semasa mereka masih kecil atau sebelum mereka mula bersekolah. Proses pelaksanaan peraturan dan untuk mempengaruhi pemilihan mereka akan menjadi semakin sukar apabila anak-anak semakin membesar.
- Ibu bapa harus memperhatikan tabiat media mereka sendiri bagi menjadi contoh yang baik kepada anak-anak. Sekiranya perlu, ibu bapa perlu berubah demi kebaikan anak-anak kerana ibu bapa adalah model yang pertama dan penting bagi kehidupan anak-anak.
- Memastikan penggunaan media anak-anak adalah seimbang dengan aktiviti lain seperti bersukan, riadah, berhobi, dan bermain di luar rumah.
- Mengawasi rancangan yang ditonton oleh anak-anak dan mencari kesempatan untuk menonton bersama mereka.
- Kanak-kanak yang muda berisiko tinggi menjadi lebih agresif selepas menonton kandungan ganas di TV. Ibu bapa seharusnya menghadkan jumlah pendedahan kepada kandungan ganas dan mengawasi tingkah laku mereka selepas menonton.
- Menggalakkan anak-anak menonton pelbagai jenis program seperti program yang berkait dengan sukan, sains dan alam semula jadi, seni, muzik dan sejarah. Ini kerana terdapat banyak program TV yang baik yang membolehkan kita belajar tentang pelbagai perkara dan menyeronokkan.
- Mengambil berat tentang lokasi yang paling sesuai untuk meletakkan TV di rumah. Ibu bapa seharusnya menjauhkan TV daripada diletakkan di tempat keluarga menghabiskan kebanyakan masa. Elakkan meletakkan TV di bilik anak-anak kerana ia menyukarkan pengawasan.

Secara umum, panduan tersebut adalah antara strategi bagaimana ibu bapa boleh memperkasakan peranan mereka dengan menggunakan media yang ada secara bijaksana dan terurus bukan sekadar menyalahkan pihak lain dan membiarkan sahaja anak-anak

menggunakan media tanpa bimbingan dan pemantauan. Lebih-lebih lagi dalam konteks perkembangan media yang pesat hari ini, TV konvensional telah mengalami persaingan yang hebat dengan wujudnya saluran TV berbayar seperti ASTRO selain teknologi komunikasi baru seperti komputer, Internet, permainan video dan elektronik, pemain dan perakam video, dan lain-lain. Fenomena ini memungkinkan anak-anak lebih banyak peluang untuk terdedah kepada kandungan yang tidak bersesuaian dengan umur mereka. Justeru, ibu bapalah sepatutnya menjadi "pengawal" utama yang juga berperanan sebagai "mata dan telinga" kepada anak-anak supaya mereka berkembang dan membesar dalam persekitaran yang sihat dan sejahtera. Pendek kata, ibu bapa berperanan sebagai pemimpin dalam sesebuah keluarga. Ibu bapa yang berjaya adalah mereka yang melaksanakan tugas dan fungsi keibubapaan sehingga anak mereka dapat mengembangkan potensi diri untuk menjadi manusia yang beriman, berakhlak mulia, berguna kepada agama dan masyarakat.

## KESIMPULAN

Kehadiran media massa sama ada dalam bentuk teknologi lama atau baru adalah suatu perkara yang akan terus berkembang dan menembusi kehidupan setiap individu. Sungguhpun ibu bapa adalah pihak utama yang bertanggung jawab dalam mencorakkan kehidupan anak-anak, sokongan daripada pihak lain seperti pengasuh, sekolah, pihak kerajaan sebagai pembuat dasar, dan penerbit kandungan media amat diperlukan bagi menjaga kebajikan dan menyediakan persekitaran yang lebih sihat bagi mereka. Ini adalah untuk memastikan kanak-kanak mendapat manfaat sepenuhnya daripada media yang ada di sekeliling mereka. Perspektif ekologi yang diutarakan memberikan panduan kepada kita untuk melihat hubungan media dan perkembangan kanak-kanak dari pelbagai sudut dan jaringan sistem yang saling berkait dan bertimbal balik antara satu sama lain. Dengan demikian, semua pihak seharusnya tidak memandang ringan akan sumbangan dan peranan masing-masing dalam konteks perkembangan kanak-kanak yang akan menjadi generasi pelapis pembina masa depan negara.

## RUJUKAN

- Anderson, C. A. 2002. Violent video games and aggressive thoughts, feelings and behaviors. Dlm. Calvert, S., Jordan, A, Cocking, R. (eds.) *Children in the Digital Age: Influences of Electronic Media on Development*, Ch 6 (h. 101-120). Westport, Connecticut: Praeger.
- Anderson, C. A. & B. J. Bushman. 2002. The effects of media violence on society. *Science*, 295: 2377.
- Anderson, C. A., & K. E. Dill. 2000. Videogames and aggressive thoughts, feeling, and behavior in the laboratory and in life. *Journal of Personality and Social Psychology*. 78: 772-790.
- Bandura, A. 1973. *Aggression: A Social Learning Analysis*. Englewood Cliffs, New Jersey: Printice Hall.
- Baumrind, D. 1991. The influence of parenting style on adolescent competence and substance abuse. *Journal of Early Adolescent*. 11: 56-95.
- Berkowitz, L. 1993. *Aggression: Its Causes, Consequences, and Control*. New York: McGraw-Hill.
- Bushman, B. J. & L. R. Heusmann. 2001. Effects of televised violence on aggression. Dlm. Singer, D., Singer, J. (eds.) *Handbook of Children and the Media*. Newbury Park, California: Sage.

- Cantor, J. & A. Nathanson. 1997. Predictors of children's interest in violent television programs. *Journal of Broadcasting & Electronic Media*. 4: 155-167.
- Fetler, M. 1984. Television viewing and school achievement. *Journal of Communication*. 34: 104-118.
- Fisch, S. 2004. *Children's Learning from Educational Television: Sesame Street and Beyond*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum.
- Friedrich, L. & A. Stein. 1995. Prosocial television and young children: The effects of verbal labelling and role playing on learning and behavior. *Child Development*. 46: 27-38.
- Funk, J. B., J. Hagan, J. Schimming, W. A. Bullock, D. D. Buchman, M. Myers. 2002. Aggression and psychopathology in adolescents with preference for violent electronic games. *Aggression Behavior*. 28: 134-144.
- Gaddy, G. D. 1986. Television impact on high school achievement. *Public Opinion Quarterly*. 50: 340-359.
- Gortmaker, S., C. Salter, D. Walker, W. Dietz. 1990. The impact of television viewing on mental aptitude and achievement: a longitudinal study. *Public Opinion Quarterly*. 54: 594-604.
- Harrison, K. 1997. Does interpersonal attraction to thin media personalities promoting eating disorders. *Journal of Broadcasting & Electronic Media*. 41: 478-500.
- Harrison, K. & J. Cantor, 1997. The relationship between media consumption and eating disorders. *Journal of Communication*. 47: 40-67.
- Johnson, J. G., P. Cohen, E. Smailes, S. Kasen, & J. S. Brook. 2002. Television viewing and aggressive behavior during adolescence and adulthood. *Science*. 295: 2468-2471.
- Jordan, A. 2004. Media in children's development. *Developmental and Behavioral Pediatrics*. 23 (3): 196-206.
- Khon, M. 1995. Social structure and personality through time and space. Dlm. Moen, P., Elder, G., Luscher, J., Quick, H., (eds.) *Examining Lives in Contexts: Perspective on the Ecological of Human Development* (141-168). Washington DC: American Psychological Association.
- Lemish, D. 2007. *Children and Television: A global Perspective*. Singapore: Blackwell Publishing.
- Lynn, R., S. Hampson, & E. Agahi. 1989. Television violence and aggression: a genotype-environment, correlation and interaction theory. *Social Behavior and Personality*. 17: 143-164.
- Mares, M. L. & E. H. Woodard. 2005. Positive effects of television on children's social interactions: A meta analysis. *Media Psychology*. 7: 301-22.
- Mares, M. L. & E. H. Woodard. 2001. Prosocial effects on children's interactions. In Singer, D. G., & Singer, J. L. (eds.), *Handbook of Children and the Media* (183-206). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Narimah Ismail & Musa Abu Hassan. 2008. Family Use of ICT. Dlm. Mohd Nizam Osman, Siti Zobidah Omar, Hamisah Hassan, dan Narimah Ismail (pyt.) *Dimensions of Communication: Malaysian Experience* (47- 58). Serdang: Penerbit UPM.
- Ogden, C. L., M. D. Carroll, L. R. Curtin, M. A. McDowell, C. J. Tabak, & K. M. Flegal. 2006. Prevalence of overweight and obesity in the United States, 1999-2004. *Journal of the American Medical Association*. 295: 1549-55.
- Pritts, S. & J. Susman. 2003. Diagnosis of eating disorders in primary care. *Am Fam Phys*. 67: 297-304.
- Rideout, V. J. & E. Hamel. 2006. *The Media Family: Electronic Media in the Lives of Infants, Toddlers, Preschoolers and Their Parents*. Menlo Park, CA: Kaiser Family Foundation.

- Rideout, V. J., Vandewater, & Watella. 2003. *Zero to Six: Media Use in the Lives of Infants, Toddlers, and Preschoolers*. Menlo Park, CA: Kaiser Family Foundation.
- Roberts, D. F., U. G. Foehr, & V. J. Rideout. 2005. *Generation M: Media in the Lives of 8-18-year-olds*. Menlo Park, CA: Kaiser Family Foundation.
- Robinson, T. N. 2001. Television viewing and childhood obesity. *Childhood and Adolescent Obesity*. 48 (4): 1017-1025.
- Singer, D. G. & J. L. Singer. 2008. Make-believe play, imagination, and creativity: Links to children's media exposure. Dlm. Calvert, S. L., & Wilson, B. J. (eds) *The Handbook of Children, Media, and Development*, (290-308). Singapore: Blackwell Publishing.
- Signorelli, N. & J. Staples. 1997. Television and children's conceptions of nutrition. *Health Communication*. 9: 289-301.
- Steinberg, L., N. Darling, A. Fletcher, B. Brown, S. Dornbush. 1995. Authoritative parenting and adolescent adjustment: An ecological journey. Dlm. Moen, P., Elder, G., Luscher, K., and Quick, H. (eds.) *Examining Lives in Context: Perspectives on the Ecological of Human Development*. Washington DC: American Psychological Association.
- Truglio, R. T., V. O. Lovelace, I. Segui, S. Scheiner. 2001. The varied role of formative research: Case studies from 30 years. Dlm. Fisch, S., Truglio, R. (eds). *"G" is for Growing: Thirty Years of Research on Sesame Street*, (61-79). Mahwah, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Van Evra, J. 2004. *Television and Child Development* (3rd edn) Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum.
- Wartella, E. & M. Robb. 2008. Historical and recurring concerns about children's use of the mass media. Dlm S. L. Calvert & B. J. Wilson (editors), *The Handbook of Children, Media, and Development*. Singapore: Blackwell Publishing.

